

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 MAY 2017

# Komitmen ASEAN wujudkan satu komuniti

UM-1/5/2015



■ MANILA 30 APRIL

**S**IDANG kemuncak ASEAN ke-30 berakhir dengan komitmen mewujudkan visi ASEAN sebagai satu komuniti menjelang 2025, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan ASEAN berteraskan kesepaduan negara-negara anggota gagasan ini, dalam pelbagai forum serantau, yang menjadikan semua usaha dan keutamaan yang dilakukan, berpaksikan kerangka ASEAN.

“Apabila semua negara anggota bertekad mahu ASEAN menjadi gagasan yang kuat, kita dapat mudah untuk menyuarakan sesuatu pandangan dengan satu suara. Ini menyebabkan banyak kuasa luar mahu meningkatkan urusan dengan ASEAN.

“Apabila semua 10 buah negara ini bersepakat untuk bergerak sebagai sebuah komuniti secara bersepadu, pengaruh kita bertambah dan meluas lagi,” katanya pada sidang akhbar di akhir Sidang Kemuncak ASEAN ke-30 yang diadirinya di sini semalam.

Walau bagaimanapun untuk terus berjaya, Perdana Menteri berkata, ASEAN perlu meningkatkan nilai dagangannya daripada ekonomi bernilai AS\$2.6 trilion kini kepada AS\$9.2 trilion menjelang 2050.

Untuk mencapai sasaran itu, katanya, usaha mengurangkan



**NAJIB TUN RAZAK** memperkatakan sesuatu kepada tiga pemimpin ASEAN iaitu Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, Presiden Indonesia, Joko Widodo dan Presiden Filipina, Rodrigo Duterte semasa Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina Ke-12 (BIMP-EAGA), di luar Sidang Kemuncak ASEAN di Manila, Filipina, semalam. - REUTERS

halangan dan langkah-langkah bukan tarif (NTB) dan (NTM) yang menjadi hambatan kepada perdagangan perlu dikurangkan.

Sejak tahun 2000 hingga 2015, NTB dan NTM di ASEAN telah meningkat daripada 1,634 kepada 5,975, katanya yang turut mengusulkan satu sistem *score card* dibuat oleh setiap negara anggota untuk memastikan usaha mengurangkan halangan perdagangan dibuat.

Dalam sidang itu, Perdana Menteri turut memberitahu, Malaysia telah menandatangani satu dokumen yang mengiktiraf perkhidma-

tan awam sebagai institusi penting bagi mencapai visi komuniti ASEAN 2025.

Katanya, ini adalah satu pengiktirafan kepada perkhidmatan awam, di rantau ASEAN.

Selain itu, Najib turut memaklumkan beliau menghadiri persidangan ke-12 Kawasan Pertumbuhan ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) dan sidang kemuncak ke-10 Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Pada persidangan itu, beliau telah membentangkan kemajuan

projek yang sedang dilaksanakan di Malaysia termasuk projek Lebuhraya Pan Borneo, projek mendalamkan Pelabuhan Teluk Sepanggar dan Lapangan Terbang Mukah.

Sidang kemuncak IMT-GT pula katanya, telah meluluskan visi IMT-GT membabitkan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang bernilai AS\$47 bilion di tiga negara.

Di Malaysia, katanya, ia termasuk pembesaran kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIO) di Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar. — UTUSAN